

SINOPSIS

BIL.6/2024 (HQ)

PERSIDANGAN KOPERASI KOMUNITI INDIA 2024 (PKKI2024)



PERSIDANGAN KOPERASI KOMUNITI INDIA 2024 (PKKI2024)

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) telah berjaya melaksanakan Persidangan Koperasi Komuniti India 2024 (PKKI2024) pada 13 Oktober 2024 bertempat di Menara Kembar Bank Rakyat.



PKKI2024 ini merupakan program yang julung kali diadakan bagi mengiktiraf sumbangan koperasi komuniti India dalam memperkasa ekonomi masyarakat India di negara ini. Dalam masa yang sama, persidangan ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan para koperator komuniti India mengenai dasar-dasar Kerajaan yang terkini berkaitan koperasi dan mengenal pasti isu tata kelola dan amalan terbaik bagi meningkatkan pengurusan koperasi komuniti India.



PKKI2024 ini dihadiri oleh 800 peserta dan sebanyak 22 pempamer terlibat yang terdiri daripada agensi-agensi di bawah KUSKOP dan koperasi-koperasi. Antara pengisian utama persidangan tersebut adalah Sesi Dialog YB Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bersama Koperasi Komuniti India. Persidangan ini juga akan diisi dengan sesi pembentangan berkenaan dasar-dasar terkini kerajaan dan bentuk insentif yang ditawarkan kepada koperasi serta forum berkaitan transformasi koperasi komuniti India. Selain itu, para peserta yang hadir juga didedahkan dengan kisah kejayaan National Land Finance Co-operative Society (NLFC) Berhad iaitu sebuah koperasi komuniti India yang diiktiraf sebagai koperasi premier.



Penganjuran PKKI 2024 diharapkan dapat dijadikan sebagai satu platform kepada koperasi komuniti India untuk mendapat pendedahan berkenaan inisiatif dan insentif yang disediakan oleh KUSKOP melalui SKM dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian dalam memperkasa gerakan koperasi negara. Selain itu, ia menyediakan peluang yang besar kepada koperasi untuk bertukar pendapat dan menjalankan kerjasama bagi meningkatkan aktiviti perniagaan dan menambahbaik pengurusan koperasi.

Melalui PKKI 2024 ini juga, koperasi telah didekahkan amalan tata kelola yang baik, sentiasa melaksanakan tanggungjawab dengan penuh berhemat serta memastikan nilai, falsafah dan prinsip koperasi menjadi pegangan dan tunjang koperasi dalam memberi khidmat dan manfaat terbaik kepada anggota serta masyarakat.

